

06 JUL 2001

REHDA-MAPEX

HARTANAH BERNILAI RM11 BLN AKAN DIPAPARKAN PADA MAPEX 2001

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Dengan anggaran sejumlah 58,000 unit hartanah kediaman bernilai sekitar RM11 bilion akan dipertontonkan di Ekspo Hartanah Malaysia 2001 (Mapex 2001), para bakal pembeli rumah dijangka "rambang mata" apabila pameran itu dibuka berhampiran dengan bandar kediaman mereka tidak lama lagi.

Dianjurkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Redha), ekspo itu diadakan bersempena dengan kempen pemilikan rumah anjuran Redha bagi menjana pemulihan ekonomi Malaysia daripada krisis kewangan yang melanda dalam tahun 1997/1998.

"Redha sedang mengumpul butir-butir hartanah yang ditawarkan dan senarai hartanah yang akan menyertai Mapex akan disediakan kepada para pelawat pada ekspo berkenaan," kata presiden Redha, Datuk Eddy Chen kepada pemberita ketika taklimat mengenai ekspo itu di sini hari ini.

Eskpo lima hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 2 Ogos.

Sementara itu, Mapex 2001 akan memulakan pameran di peringkat negeri di Seremban pada 13 Julai, diikuti dengan negeri-negeri lain mulai 2 Ogos dan selanjutnya.

Menurut Chen, hartanah-hartanah yang bernilai antara RM3 bilion hingga RM4 bilion yang boleh dipertonton pada Mapex 2001 mewakili angka yang agak konservatif apabila mengambil kira kelembapan pasaran hartanah di tahun-tahun sebelumnya".

Chen berkata kebanyakan pemaju menghadapi situasi genting kerana kebanyakan institusi kewangan enggan menyediakan pinjaman sambungan kepada pemaju hartanah ekoran paras risiko yang tinggi dan tempoh bayaran balik yang lama untuk setiap projek.

Bagaimanapun, para pelanggan tidak mempunyai masalah dalam mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah, kata Chen.

Menurut Pusat Maklumat Hartanah Kebangsaan (Napic), lebih hartanah setakat bulan Mac ini hampir RM29 bilion, di mana RM6.0 bilion ialah dalam sektor kediaman.

Supaya perkembangan hartanah boleh turut menyumbang secara kukuh kepada pemulihan ekonomi, Chen berkata, usaha-usaha perlu dibuat untuk menarik pembeli-pembeli asing menerusi penerangan bergerak dan aktiviti-aktiviti promosi.

Di bawah garis panduan yang baru dipinda yang diumumkan oleh kerajaan, orang asing kini boleh memiliki semua jenis hartanah kediaman dan komersil bernilai lebih daripada RM250,000 setiap satu tanpa perlu menubuhkan syarikat berkepentingan tempatan.

Di bawah garis panduan itu, syarikat ataupun individu yang terlibat di dalam penjualan hartanah kurang daripada RM20 juta setiap satu perlu melaporkan transaksi-transaksi itu kepada sekretariat Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) untuk tujuan rekod.

Dengan ini, pihak berkuasa negeri tidak perlu menunggu mendapatkan kelulusan daripada FIC dalam menguruskan kes-kes seumpama itu.

Peraturan ini meliputi penjualan hartanah oleh bumiputera, bukan bumiputera kepada bumiputera, bukan bumiputera kepada bukan bumiputera dan kepentingan asing kepada warga Malaysia.

Dalam pada itu, Mapex 2001 menyediakan bakal-bakal pembeli rumah dengan pilihan yang luas di samping insentif istimewa, termasuklah diskaun ke atas

projek-projek terpilih dari dua peratus hingga 20 peratus dan margin pembiayaan yang lebih tinggi untuk tempatan, residen dan asing. -- BERNAMA  
CL SEL AA